

Institusi keluarga perlu bendung budaya tidak sihat

Ummum mengetahui *Hipster* adalah budaya yang memamerkan gaya hidup mewah, bebas, berpenampilan pelik dan mengikut trend.

Hipster kebiasaannya suka bergambar dengan kelakuan pelik demi *like* dan *followers* di laman sosial. *Ravers* pula adalah budaya 'gerak tari' pelik menggunakan kedua-dua belah tangan dan kaki. Golongan ini juga digelar *boek dancer* yang bermaksud 'tarian sotong' sinonim dengan apa dilakukan golongan ini.

Kini, trend *Hipster* dan *Ravers* kian mendapat tempat di hati golongan belia yang turut memabitkan sebahagian besar anak Melayu. Situasi ini sangat membimbangkan khususnya ibu bapa kerana ia jelas bertentangan de-

ngan gaya hidup dianjurkan Islam.

Kurang perhatian ibu bapa

Keadaan kos sara hidup yang tinggi mendesak ibu bapa menghabiskan masa untuk bekerja demi membiayai perbelanjaan keluarga. Ini menyebabkan ibu bapa tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada anak. Aspek didikan agama di rumah juga memainkan peranan penting bagi mengelakkan anak terjerumus kepada perkara negatif.

Pengaruh rakan sebaya juga menjadi punca kepada permasalahan ini berlaku. Akibat kurang perhatian daripada ibu bapa menyebabkan anak lebih mudah mengikut kawan berbanding meminta pendapat ibu bapa.

Seharusnya institusi kekeluargaan mengambil perhatian penuh perkara membabitkan sah-sahiah anak kerana ditakuti terpe-

“
Trend Hipster dan Ravers kian mendapat tempat di hati golongan belia. Situasi ini sangat membimbangkan kerana ia jelas bertentangan dengan gaya hidup dianjurkan Islam”

ngaruh budaya tidak sihat. Ini bukan sahaja mampu menjejaskan keharmonian keluarga, bahkan masyarakat.

Justeru, institusi kekeluargaan berperanan penting mendidik anak. Islam menggariskan beberapa metod dalam mendidik supaya anak tidak mudah terpengaruh perkara negatif.

Didik dengan keteladanan


Diantara metod mendidik anak menurut Islam adalah mendidik dengan keteladanan di mana sentiasa memberi tunjuk ajar dalam melakukan sesuatu perkara supaya menghasilkan keputusan yang baik.

Kedua, mendidik dengan nasihat iaitu sentiasa menasihati anak dalam apa juga perkara. Ini sedikit

sebanyak mampu mengajak anak melakukan perkara bermanfaat.

Seterusnya, mendidik dengan pengawasan. Apa sahaja aktiviti anak perlu dipantau bagi mengelakkan sebarang perlakuan bebas yang memudaratkan. Ini bagi memastikan mereka terjaga sah-sahiahnya daripada perkara negatif.

Namun, peranan semua pihak dalam menangani budaya tidak sihat ini perlu diperluaskan khususnya institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti. Kerajaan perlu menekankan aspek pembinaan sah-sahiah dalam sistem pendidikan negara dalam membendung budaya barat yang tidak sihat seperti *Hipster* dan *Ravers*. Ini kerana anak muda adalah generasi yang akan mentadbir negara pada masa depan.

 **Amzar Asyraf,**
Fakulti Pengajian
Bahasa Utama USIM.